


Bahagian A

[10 Markah]

[Masa dicadangkan: 15 minit]

Peta buih di bawah menunjukkan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang peta buih tersebut.



1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

Bahagian B

[15 Markah]

[Masa dicadangkan: 25 Minit]

Gambar di bawah menunjukkan faedah Internet kepada murid. Tulis ulas tentang faedah Internet kepada murid dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulas akan hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.



Faedah Internet kepada Murid

Caribahan pembelajaran

Medium perhubungan

Mendapat maklumat terkini

Menghantar bahan pembelajaran

More from 30.com.my
Not for Sale

Bahagian C

[25 Markah]

[Masa dicadangkan: 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Panjangnya karangankamu hendaklah antara 70 hingga 100 patah perkataan.

Soalan 1

Kamu telah mengikuti ibu ke pasar borong pada hari minggu.

Tulis sebuah karangan untuk menggambarkan suasana di pasar pada waktu itu.

ATAU

Soalan 2

Tulis sebuah karangan yang bertajuk "Aku sebatang tiang lampu isyarat".

Bahagian C

More from 30.com.my
Not for Sale

5SULIT

More from 30.com.my
Not for Sale

KERTAS SOALAN TAMAT

Jawapan (UPSR Percubaan 1 Bahasa Melayu 022 Penulisan)

Bahagian A

Rangka Ayat:

- 1.pakaian tradiasional-menunjukkan identiti kaum
- 2.Hari Raya Aidilfitri-bersalaman-berkunjung
- 3.Tahun Baharu Cina-angpau
- 4.budak perempuan dan wanita Cina – memakai ceongsam
- 5.memakai sari – membuat hiasan kolam – Deepavali

Ayat:

1. Masyarakat di negara kita mempunyai pakaian tradisional yang menunjukkan identiti kaum masing-masing.
2. Semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri, masyarakat Melayu akan saling bersalaman dan berkunjung ke rumah saudara-mara.
3. PadaTahun Baharu Cina, masyarakat Cina akan memberikan angpau kepada anak mereka yang belum berkhawin.
4. Budak perempuan dan wanita Cina akan memakai ceongsam semasa sambutan Tahun Baharu Cina.
5. Masyarakat India akanmemakai sari dan membuat hiasan kolam ketika musim perayaan Deepavali.

Bahagian B

Gambar menunjukkan faedah Internet kepada murid. Terdapat beberapa faedah Internet kepada murid . Antaranya, murid-murid boleh menjimatkan masa untuk mencari bahan pembela jaran. Selain itu, murid-murid juga boleh belajar secara dalam talian.

Di samping itu, murid-murid pun boleh menghantar bahan pembelajaran kepada guru atau rakan-rakan melalui e-mel. Seterusnya, murid-murid mendapat maklumat yang terkini di dalam atau luar negara.

Kesimpulannya, kita mestilah menggunakan Internet dengan cara yang betul kerana dapat memberi faedah kepada kita.

(64 patahperkataan)

Bahagian C

Soalan 1:

Pada hari minggu yang lalu, saya telah berkesempatan mengikuti ibu ke pasar borong. Kami pergi ke sana pada awal pagi kerana terdapat banyak pilihan ikan dan sayuran yang masih segar.

Setibanya di pasar, saya melihat para peniaga sibuk memunggah dan menyusun barang jualan. Suasana di pasar agak bising kerana para peniaga saling berteriak untuk menarik perhatian pelanggan.

Pasar borong itu sungguh besar dan luas. Terdapat pelbagai jenis sayur, buah, daging dan ikan yang dijual. Ibu memilih sayuran dan ikan yang segar sahaja. Semua barangan yang dibeli dimasukkan ke dalam troli.

Pembahagian tempat jualan juga disusun mengikut kategori. Ini lebih memudahkan pengunjung untuk membeli barangan. Selain itu, terdapat juga peruncit yang menjual barangan keperluan harian.

Setelah selesai membeli segala barangan, kami pun berangkat pulang. Saya berasa seronok merasai pengalaman baharu pergi ke pasar borong.

Soalan 2:

Aku sebatang tiang lampu isyarat. Di atas kepalaku terdapat tiga lampu berwarna merah, kuning dan hijau. Aku **dipacakkan** di **simpang empat** jalan. Badanku diperbuat daripada **besi**. Aku menggunakan tenaga elektrik untuk **berfungsi**.

Aku mempunyai **tugas** yang penting di simpang jalan tersebut. Aku menjaga kelancarannya **lalu lintas** agar kenderaan dari setiap arah **simpang** akan dapat bergerak dengan teratur. Sebarang kenderaan yang tidak mengikut arahan yang aku beri akan menyebabkan kesulitan.

Lampu aku yang berwarna merah menyuruh kenderaan berhenti. Jika lampu bertukar kuning, ia bermakna bersedia untuk berhenti, manakala jika lampu bertukar hijau, kenderaan dibenarkan untuk meneruskan perjalanan.

Suatu hari, bekalan elektrik di kawasan aku bertugas telah **terganggu**. Aku tidak dapat menjalankan tugas. Ketiga-tiga lampu aku tidak menyala. Jalan menjadi semakin sesak dan kenderaan semakin banyak. Orang ramai semakin **gelisah** dan mereka menghubungi polis trafik untuk membantu mengawal lalu lintas.

Selepas bekalan elektrik pulih, aku dapat menyambung semula tugas mengawal lalu lintas. Tiba-tiba sebuah lori yang bergerak laju **seolah** tidak dapat dikawal telah **terbabas** dan melanggar badan aku. Aku mengalami kecederaan teruk.

Aku sudah tidak boleh berfungsi. Aku dicabut dan dibawa ke tempat kitar semula. Aku sangat sedih kerana tidak dapat berkhidmat lagi.

若要最新上载的华小考卷，请到：facebook.com/sjkcmy

在《小作家课程》里，我们不教你背成语，不教你背范文，只教实用的写作技巧，让你轻松面对考试！别错过我们的促销优惠，[点击这里查阅如何获得 RM30 折扣](#)，或游览：

www.30.com.my/products/bc2



最新的华小网上课程，详情请游览：30.com.my/class